

## SIARAN MEDIA

### MyCC DAN SURUHANJAYA PERDAGANGAN ADIL KOREA (KFTC) SETUJU UNTUK KERJASAMA DALAM MENGUATKUASA PERUNDANGAN PERSAINGAN

**SEOUL, 3 SEPTEMBER 2025** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Perdagangan Adil Korea (KFTC) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang penguatkuasaan dan dasar undang-undang persaingan. Majlis menandatangani MoU tersebut berlangsung semasa Forum Persaingan Antarabangsa Seoul ke-13 diadakan di The Shilla Seoul, Korea Selatan.

Tan Sri Dato' Sri Idrus Harun, Pengerusi MyCC telah menandatangani bagi pihak MyCC manakala Dr. Kijeong Han, Pengerusi KFTC telah menandatangani bagi pihak KFTC. Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Datuk Haji Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC dan Encik Dongryeul Shin, Ketua Pengarah KFTC.

MoU ini menyediakan kerangka kerjasama antara kedua-dua agensi yang merangkumi pertukaran maklumat tidak sulit mengenai perkembangan perundangan dan kes, kerjasama teknikal bagi memperkuuh keupayaan penguatkuasaan, pertemuan bersama pakar serta penyertaan dalam acara antarabangsa yang berkepentingan bersama. Kedua-dua agensi juga bersetuju untuk saling menyokong inisiatif kerjasama antarabangsa yang berkaitan dengan amalan anti-persaingan rentas sempadan.

Kerjasama ini mencerminkan visi dan komitmen antara MyCC dan KFTC dalam membina rejim penguatkuasaan yang berdaya tahan serta memperkuuh kerjasama serantau dalam bidang undang-undang dan dasar persaingan. Ia membolehkan Malaysia memperoleh manfaat daripada pengalaman luas Korea Selatan dalam kawalan percantuman sebagai persediaan untuk memperkenalkan rejimnya sendiri menjelang tahun 2026.

"KFTC ditubuhkan pada tahun 1981 dan telah mengukuhkan kedudukannya sebagai salah sebuah agensi persaingan terkemuka di Asia, malah di peringkat dunia. Kerjasama antara MyCC dan KFTC telah bermula beberapa tahun lalu. Pada tahun 2019, KFTC telah menghantar pakar mereka ke MyCC di bawah *Expert Dispatch Program*, di mana MyCC telah

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**MEJA BERITA/EKONOMI**

memperoleh pengetahuan terkini berkenaan amalan tipuan bida dan kawalan percantuman.

MoU ini merupakan langkah seterusnya yang wajar dalam meneruskan kerjasama ini. Melalui kerjasama ini, MyCC berharap dapat memanfaatkan pengalaman serta kepakaran luas KFTC sambil turut menyumbangkan perspektif kami sendiri. Melalui kerjasama ini, kita dapat memajukan dasar persaingan bukan sahaja dalam bidang kuasa masing-masing, tetapi juga di peringkat serantau dan antarabangsa," kata Tan Sri Dato' Sri Idrus Harun, Penggerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

###

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-14 pada 1 April 2025 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap lebih dari 200 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM667 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).